



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 9 DISEMBER 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PENTERNAK IKAN PATIN TEMERLOH GUNDAH BANJIR ROSAKKAN SANGKAR, DALAM NEGERI, UM -36	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2.	CILI MARDI LEBIH TAHAN SERANGAN PENYAKIT, BISNES, HM -26	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
3.	MESIN TANAM PADI BANTU TINGKATKAN HASIL, DALAM NEGERI, UM -8	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
4.	PELANTIKAN SEBAGAI PENERUSI KADA BUKAN SEBAGAI GANJARAN, LOKAL, HM -22	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
5.	981 HEKTAR SAWAH KADA TERJEJAS BANJIR BELUM DILINDUNGI SKIM TAKAFUL, DALAM NEGERI, UM -10	
6.	BANTU SEMUA PESAWAH, NEGARA, KOSMO -16	
7.	KADA SELESAIKAN SEGERA BAKI 981 HEKTAR SAWAH, KOTA BHARU, SH -25	
8.	981 HEKTAR SAWAH TIADA TAKAFUL, LOKAL, HM -16	
9.	PERLU 500,000 HEKTAR TANAH PASTIKAN BEKALAN BERAS CUKUP, DALAM NEGERI, UM -8	LAIN-LAIN
10.	HARGA BERAS PUTIH IMPORT 10kg LEBIH MURAH RM2, NASIONAL, BH -13	
11.	NS SASAR TINGKAT HASIL PADI HINGGA 7 TAN SEMUSIM, NASIONAL, BH -13	
12.	HARGA SAYUR DIJANGKA NAIK LEBIH 50 PERATUS, NASIONAL, BH -13	
13.	HARGA BERAS PUTIH IMPORT TURUN IKUT JENAMA, NASIONAL, SH -12	
14.	HARGA TURUN ANTARA RM1 HINGGA RM2 DI KELANTAN, NASIONAL, SH -12	
15.	KLUANG, MUAR EXPANSION FOR STATE PADI CULTIVATION, NEWS, THE STAR -5	
16.	ROSY PROSPECT, MUKA DEPAN, THE STAR -1	
17.	CYBERJAYA'S URBAN PADI FIELD BECKONS TOURISTS, NEWS, THE STAR -2	
18.	GROWING ROSE ONION HUB, NEWS, THE STAR -3	
19.	'GOVT MUST EASE VEGGIE PRICE HIKE', NEWS, NST -4	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Penternak ikan patin Temerloh gundah banjir rosakkan sangkar

Oleh SALEHUDDIN MAT RASAD
utusannews@mediamula.com.my

TEMERLOH: Seramai 498 penternak ikan patin sangkar di daerah ini bimbang aliran air deras dan ancaman kayu hanyut merosakkan sangkar yang menyebabkan ternakan terlepas jika gelombang kedua banjir melanda.

Pengerusi Persatuan Penternak Ikan Sangkar Daerah Temerloh, Ibrahim Hussein, 63, berkata, sebanyak 4,921 petak sangkar milik penternak perlu diikat menggunakan tali tam-bahan bagi mengelakkannya terputus dan dibawa arus deras Sungai Pahang.

Katanya, pada musim tengkujuh, penternak ikan patin sangkar menghadapi aliran air deras dan ancaman kayu hanyut yang boleh merosakkan sangkar.

"Kejadian seperti ini sering berlaku kepada penternak ikan sangkar Sungai Pahang Daerah Temerloh. Bagi mengurangkan risiko kerugian, mana-mana ikan besar akan dijual dengan harga borong berbanding RM22 sekilogram," katanya kepada

Utusan Malaysia, semalam.

Beliau meminta semua penternak ikan sangkar mengambil gambar sebelum dan selepas banjir sebagai bukti bergambar semasa membuat permohonan bantuan seperti benih ikan kepada Jabatan Perikanan Pahang. Sementara itu, seorang penternak ikan sangkar dari Kampung Bangau Tanjung, Shamsul Sabri Abu Bakar, 38, mengakui setiap kali menjelang Monsun Timur Laut, para penternak berasa gundah berlaku banjir besar seperti 2014.

Sebagai langkah berjaga-jaga, para penternak mengikat setiap sangkar dengan tali manakala jaring sangkar dipastikan tidak bocor.

"Kami bertawakal sangkar tidak pecah atau hanyut dibawa arus deras air Sungai Pahang," katanya.

Sementara itu, seorang pekerja kedai makan, Ismail Abdullah, 40, berharap gelombang kedua banjir tidak membawa musibah lebih besar kerana implikasinya menjejaskan pelbagai pihak seperti penternak, peniaga dan orang ramai.



KEADAAN sangkar ikan patin di Kampung Bangau Tanjung. Temerloh yang berisiko rosak akibat arus deras dan terkena kayu hanyut jika banjir gelombang kedua melanda Pahang.

Cili Mardi lebih tahan serangan penyakit

Kuala Lumpur: Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi), memperkenalkan varieti baharu, Cili Mardi sebagai langkah penting dalam usaha meningkatkan pengeluaran cili domestik dan mengurangkan bergantung kepada import cili.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Isham Ishak berkata, varieti baharu cili itu adalah sebahagian daripada usaha kerajaan dalam memajukan sektor pertanian negara.

“Selain daripada memperkenalkan varieti yang lebih tahan terhadap penyakit, kami juga memberi tumpuan kepada latihan dan sokongan kepada petani bagi memastikan mereka dapat menguasai teknik penanaman yang lebih cekap dan mampan,” katanya dalam kenyataan.

Menurutnya, Mardi juga



ISHAM (dua dari kanan) bersama Ketua Pengarah Mardi, Datuk Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani (kanan) pada pelancaran Cili Mardi.

akan terus memberikan khidmat sokongan teknikal dan latihan kepada petani dalam memastikan mereka dapat menanam Cili Mardi dengan efektif.

Program ini turut melibatkan kerjasama dengan Lembaga Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Langkawi dan Negeri Kedah di mana PPK membantu dalam penyediaan infrastruktur serta kawasan penanaman bagi

memastikan penghasilan cili berkualiti tinggi.

Menurutnya, dengan mengenal varieti baharu itu, diharap dapat meningkatkan produktiviti dan kualiti cili domestik, mengurangkan kebergantungan kepada import, serta memberikan impak positif terhadap ekonomi negara.

Katanya, usaha ini sejajar dengan Dasar Agro-makanan Negara (DAN 2.0) yang bertujuan untuk

memastikan kestabilan dan keterjaminan bekalan makanan negara.

Cili Mardi adalah hasil daripada program pembaikbaikan yang dijalankan Mardi dengan menggunakan teknologi moden dan penyelidikan intensif.

Cili ini adalah hasil kacukan antara dua genotip terpilih, iaitu Ch 234-14 (MC 11) dan Ch 231-5, yang terbukti rintang terhadap penyakit antraknos.

Keunggulannya, utama varieti ini adalah ketahanan terhadap penyakit serta hasil yang tinggi, dengan potensi pengeluaran sekitar 20 hingga 30 metrik tan sehektar dalam tempoh lima hingga enam bulan.

Cili Mardi dihasilkan dengan matlamat untuk mengatasi cabaran utama dalam pengeluaran cili di Malaysia, termasuk kebergantungan yang tinggi terhadap benih import, terutama dari negara jiran seperti Thailand, China dan Vietnam.

Mesin tanam padi bantu tingkat hasil

Oleh MOHD. HAFIZ
ABD. MUTALIB
hafiz.mutalib@mediamula.com.my

KANGAR: Pesawah perlu beralih sepenuhnya daripada kaedah tanam secara tradisional kepada penggunaan teknologi mesin menanam padi atau transplanter yang mampu membantu meningkatkan hasil sekali ganda selain menjimatkan kos.

Ia juga sebagai satu daripada usaha membantu meningkatkan hasil pengeluaran beras negara.

Perlis antaranya, mampu meningkatkan hasil sehingga 240,000 tan metrik semusim dengan peningkatan kira-kira 78 peratus jika lebih 17,000 pesawah di negeri ini beralih kepada penggunaan teknologi mesin berkenaan.

Melalui kaedah tanaman tradisional sebelum ini, pesawah negeri ini yang mengusahakan tanaman di kawasan seluas 30,000 hektar di dalam dan luar kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) itu hanya mampu menajana hasil 135,000 tan metrik semusim.

Hasil 240,000 tan metrik semusim iaitu peningkatan sehingga 105,000 tan metrik melalui penggunaan mesin menanam padi itu bakal menyaksikan Perlis mampu menyumbang lebih 20 peratus pengeluaran beras negara berbanding ketika ini hanya seki-



PENGUNAAN mesin menanam padi mampu membantu pesawah meningkatkan hasil sehingga lapan tan metrik per hektar di Kampung Hujung Bukit, Bintong, Kangar. - UTUSAN/MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB

tar 11 peratus.

Ketika ini, program atau projek ke arah peningkatan hasil padi yang dilaksanakan sejak April lalu di negeri ini, membabitkan tujuh buah kampung dengan penglibatan kira-kira 332 pesawah di kawasan seluas 360 hektar.

Antara kampung terlibat dengan projek berkenaan ialah Kampung Balik Bukit, Kampung Semadong, Kampung Nesam, Kampung Oran, Kampung Hujung Bukit, Kampung Abi Kubang Badak dan Padang Siding.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian negeri, Razali Saad berkata, penggunaan teknologi

jentera berkenaan untuk proses menanam padi mampu meningkatkan hasil sehingga lapan tan metrik perhektar selain menjimatkan kos, masa serta mengelakkan masalah padi angin.

Katanya, melalui kaedah tradisional, kelaziman hasil adalah sekitar empat ke lima tan metrik perhektar selain mengundang pelbagai risiko lain khususnya masalah padi angin.

Justeru katanya, para pesawah khususnya di negeri ini digalakkan untuk beralih kepada penggunaan mesin menanam padi tersebut, sekali gus membantu kepada peningkatan hasil serta keterjaminan makanan negara.

Perlu 500,000 hektar tanah pastikan bekalan beras cukup

PETALING JAYA: Malaysia memerlukan sekurang-kurangnya 500,000 hektar tanah bagi memastikan bekalan beras negara mencukupi, sekali gus mengurangkan kebergantungan terhadap beras import.

Ketika ini, kawasan penanaman padi di negara ini hanya meliputi antara 280,000 hingga 300,000 hektar dan ia masih tidak mencukupi untuk mencapai tahap sara diri (SSL).

Profesor Agronomi Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Datuk Dr. Abdul Shukor Juraimi berkata, masalah itu berpunca daripada kekangan keluasan sawah yang terpecah kepada lot kecil.

Kata beliau, keadaan itu menyukarkan penggunaan teknologi moden seperti jentera besar, sekali gus menjejaskan produktiviti.

"Untuk mengusahakan sawah padi secara efisien, kita memerlukan kawasan penanaman yang luas dan berkelompok, sekurang-kurangnya 500,000 hektar.

"Namun, di Malaysia kebanyakan kawasan sawah adalah kecil dan berselerak, menyukarkan proses mekanisasi serta penguasaan tanaman," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Akhbar ini sebelum ini melaporkan kerajaan kini memberi tumpuan untuk membangunkan kawasan tanah terbiar kira-kira 91,000 hektar di seluruh negara dengan tanaman padi.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, ia termasuk di kawasan yang berada di negeri-negeri luar jelang padi seperti Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. Mengulas lanjut, Abdul Shukor

berkata, kawasan jelang padi yang memiliki sistem pengaliran lengkap boleh menghasilkan sehingga 5 tan padi sehektar, tetapi kawasan di luar jelang hanya mampu mengeluarkan sekitar 2 hingga 2.5 tan sehektar kerana penanaman terhad kepada musim hujan.

Menurutnya, negara ini sebenarnya memiliki produktiviti padi yang lebih baik (4.2 tan sehektar) berbanding Thailand dan Vietnam (3.5 tan sehektar).

"Kalau kita boleh dapat 500,000 hektar, saya jangkaan mungkin pengeluaran padi akan meningkat sehingga 80 peratus dan mencukupkan SSL. Kita tak perlu 100 peratus sebab ramai juga yang memilih beras basm-athi, jasmine serta beras wangi, yang itu mungkin dalam kalangan 20 peratus," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/12/2024	HARIAN METRO	LOKAL	22

Pelantikan sebagai Pengerusi Kada bukan sebagai ganjaran

Kota Bharu: Pengarah Komunikasi Parti Amanah Negara (Amanah), Khalid Abdul Samad menafikan pelantikannya sebagai Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada) berkuat kuasa 1 Disember lalu sebagai baksis atau ganjaran sebagaimana yang didakwa pihak tertentu. Sebaliknya, bekas Menteri Wilayah Persekutuan itu berkata, pelantikannya itu dilakukan supaya hasil Kada khususnya tanaman padi dapat ditingkatkan dalam usaha mengurangkan kebergantungan terhadap beras import.

"Pelantikan saya bertujuan mencapai beberapa tujuannya dan matlamat, bukannya sebagaimana diktakan segelintir pihak yang mana pelantikan ini adalah baksis iaitu sebagai balasan atau ganjaran.

"Kada adalah suatu agensi yang mempunyai tanggungjawab dan amanah besar bagi membangunkan industri pertanian dalam menjamin keterjaminan makanan.

"Saya datang ke Kada bukan mahu menaikkan atau jatuhan mana-mana pihak tetapi saya mahu menaikkan hasil industri pertanian dalam kawasan Kada.

"Saya berharap semua warga agensi ini mempunyai matlamat yang sama," katanya pada Majlis Penyerahan Tugas Pengerusi Kada di sini, semalam.

Katanya, walaupun beliau bukan dari latar belakang pertanian, namun beliau yakin mampu menaikkan hasil Kada dengan kerjasama semua pihak.

Katanya, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu memberi mandat khusus kepadanya supaya meningkatkan hasil padi Kada.

"Saya sedar saya bukan berlatarbelakangkan bidang pertanian, sebaliknya sebelum ini bekerja dalam bidang kejuruteraan sebelum beralih menjadi ahli perniagaan dan ahli politik.

"Namun saya yakin dengan sokongan Kada, kita boleh bekerjasama untuk mencapai matlamat menteri dan penuhi keperluan negara.

"Hebat macam mana pun seorang individu itu, dia tidak akan dapat capai apa-apa tanpa sokongan padu daripada organisasi.

"Ketepikan soal politik, yang nak sokong mana-mana parti termasuk Pas atau Bersatu atau Umno, itu hak masing-masing," katanya.

981 hektar sawah KADA terjejas banjir belum dilindungi skim takaful

KOTA BHARU: Lebih 50 peratus atau kira-kira 981 hektar sawah di bawah Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) yang terjejas banjir belum dilindungi oleh Skim Takaful Tanaman Padi (STTP).

Pengerusi KADA, Khalid Abdul Samad berkata, ia berikutan pesawah terlibat memulakan kerja-kerja menanam padi lebih awal berbanding pengenalan skim tersebut yang bermula September lalu.

Bagaimanapun, katanya, lebih 696 hektar sawah padi di bawah lembaga itu yang terli- bat dengan kemusnahan akibat banjir dilindungi di bawah STTP.

"Mereka yang memulakan proses tanam padi pada September lalu, semuanya telah didaftarkan di bawah skim tersebut dan mendapat pam-asan kerosakan hasil padi akibat banjir.

"Bagi penanaman untuk musim akan datang kita daf- tarkan keseluruhan 26,664 hektar jelapang KADA," kata-nya semasa melapor diri seba- gai Pengerusi KADA baharu di ibu pejabat agensi itu, di sini, semalam.

Kelmarin, Menteri Kewa- ngan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan menyarankan pesawah di seluruh negara mendaftar dengan (STTP) bagi membolehkan mereka men- dapat faedah pampasan sekiranya tanam terkesan ben- cana termasuk banjir.



Ia berikutan pesawah terlibat memulakan kerja-kerja menanam padi lebih awal..."

Beliau berkata, kerajaan telah menyediakan peruntukan RM50 juta bagi bayaran premi- um skim berkenaan pada ta- hun ini dan petani hanya perlu mendaftar untuk menerima faedah.

Khalid memberitahu, pe- tani-petani yang mengusaha- kan bendang sebelum Sep- tember lalu dan tidak sempat didaftarkan di bawah STTP tetap dibantu dengan ba- yaran pampasan melalui dana tabung bencana sedia ada se- bagaimana dilaksanakan pada setiap tahun sebelum ini.

"Namun kita perlu akui ba- hawa bayaran pampasan itu tidak sama dengan hasil diper- oleh pesawah jika tidak terke- san dengan musibah banjir dan bantu mereka dengan cara yang lain.

"Lebih-lebih lagi apabila selesai banjir, maka soal pem- bersihan dan penanaman se- mula perlu dikaji serta dibantu untuk menentukan bahawa akhirnya kerugian mereka da- pat diatasi dengan hasil pada musim akan datang," katanya.



PENGUSAHA sawah padi terjejas banjir di bawah seliaan Kada di kawasan seluas 696 hektar akan menerima pampasan STTP. - GAMBAR HIASAN

Bendang terjejas banjir dapat pampasan takaful

Bantu semua pesawah

Oleh MUSTAQIM MOHAMED

KOTA BHARU – Pesawah di bawah seliaan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada) yang dilindungi Skim Takaful Tanaman Padi (STTP) mendapat manfaat apabila menerima pampasan kerosakan padi akibat banjir memabitkan keluasan 696 hektar.

Bagaimanapun, Pengurus Kada yang baharu, Khalid Abdul Samad berkata, lebih 50 peratus atau 981 hektar sawah padi masih belum dilindungi STTP.

Katanya, ia, ekoran pesawah telah memulakan kerja-kerja menanam padi lebih awal berbanding skim tersebut yang hanya

bermula pada September lalu.

"Mereka yang memulakan proses tanaman padi pada September lalu sudah didaftarkan di bawah skim tersebut dan akan mendapat pampasan kerosakan hasil padi akibat banjir oleh skim takaful berkenaan berdasarkan jumlah hektar setiap seorang.

"Kita akan daftarkan keseluruhan 26,664 hektar jelapang Kada bagi penanaman padi untuk musim akan datang," katanya ketika ditemui semasa melawat diri di sini semalam.

Menurut Khalid, petani yang terjejas tetapi tidak sempat didaftarkan di bawah STTP akan tetap dibantu melalui dana tabung bencana sedia ada.

"Bayaran pampasan itu tidak akan sama dengan hasil diperoleh pesawah jika tidak terke- san dengan musibah banjir dan bantu mereka dengan cara yang lain," ujarnya.

Sebelum ini, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan menyarankan agar pesawah di seluruh negara mendaftar dengan STTP bagi membolehkan mereka mendapat faedah pampasan sekiranya tanaman terkesan bencana terkena banjir.

Beliau berkata, kerajaan telah menyediakan peruntukan RM50 juta bagi bayaran premium skim berkenaan pada tahun ini dan petani hanya perlu mendaftar untuk menerima faedah.

KADA selesaikan segera baki 981 hektar sawah

Dicarum STTP awal tahun depan, bolehkan pesawah terima pampasan bencana

Oleh ADILA SHARINNI WAHID
KOTA BHARU

Baki pesawah melibatkan 981 hektar tanah di negeri ini yang masih belum mendaftar Skim Takaful Tanaman Padi (STTP) akan dicarumkan segera bermula awal tahun depan.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Khalid Abdul Samad berkata, langkah berkenaan seiring dengan Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan bagi memberi perlindungan dan faedah pampasan kepada pesawah terjejas bencana.

Menurutnya, setakat ini sejumlah 696 hektar tanah sawah sudah dilindungi oleh STTP melibatkan jadual penanaman padi pada September lalu.

"Baki 981 hektar ini ialah tanah yang ditanam padi lebih awal sebelum bulan itu dan akan segera dicarum bagi membolehkan pesawah menerima pampasan sekiranya tanaman musnah akibat banjir atau kemarau," katanya selepas Majlis Terima Tugas Pengerusi KADA di Pejabat KADA di Lundang di sini pada Ahad.

Sebelum ini, gelombang pertama



Khalid (lapan dari kanan) bersama kakitangan KADA di Lundang, Kota Bharu pada Ahad.

banjir di Kelantan mencatatkan kerugian tanaman padi lebih RM10 juta membabitkan Kota Bharu Utara, Kota Bharu Selatan, Pasir Puteh, Bachok, Pasir Mas dan Tumpat yang sebahagian besarnya dilindungi STTP.

Katanya, petani dilindungi STTP akan menerima pampasan sebanyak RM2,250bagi setiap hektar sawah ter-

penuhi keperluan jawatan tersebut. "Pelantikan ini bertujuan untuk mencapai matlamat agensi dan bukan bala-san atau ganjaran sebagaimana yang didakwa oleh sesetengah pihak.

"Saya mahu naikkan hasil pertanian dalam kawasan KADA dan saya ber-harap semua warga agensi ini mem-punyai matlamat yang sama," katanya.



KHALID (tengah) bergambar bersama warga kerja pada Majlis Penyerahan Tugas Pengurusan Kada di Ibu Pejabat Kada, semalam.

KERUGIAN LEBIH RM10 JUTA

981 hektar sawah tiada takaful

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
nfazlina@nstp.com.my

Kota Bharu

Sebanyak 981 hektar tanaman padi yang terjejas banjir baru-baru ini membabitkan kerugian lebih RM10 juta tidak dilindungi skim takaful.

Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kad), Khalid Abdul Samad, berkata keluasan sawah

yang terjejas itu tidak sempat mencarum skim takaful berikutan tanaman padi dilakukan lebih awal.

Bagaimanapun katanya, untuk musim baru pada awal tahun depan, pihaknya akan memastikan kesemua pesawah akan dilindungi skim takaful bagi mengelakkan pesawah berdepan kerugian.

"Bagi tanaman mereka yang terjejas banjir namun dilindungi skim takaful, mereka akan dibayar pampasan oleh takaful berkenaan".



Bagi tanaman mereka yang terjejas banjir namun dilindungi skim takaful, mereka akan dibayar pampasan oleh takaful berkenaan".

Khalid

kaful, mereka akan dibayar pampasan oleh takaful berkenaan.

Namun bagi mereka yang tidak dilindungi skim takaful berkenaan, mereka akan menerima bantuan daripada tabung bencana Kementerian Pertanian dan Ketahanan Makanan (KPKM).

"Bagaimanapun bantuan yang diterima bukanlah sama nilai sebagaimana hasil yang bakal mereka peroleh daripada

tanaman berkenaan," katanya ketika berucap pada Majlis Penyerahan Tugas Pengurusan Kada di sini, semalam.

Kelmarin, media melaporkan pesawah di seluruh negara disarankan mendaftar dengan Skim Takaful Tanaman Padi (STTP) bagi membolehkan mereka mendapatkan faedah pampasan sekiranya tanaman terjejas bencana termasuk banjir.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan dilaporkan berkata, kerajaan menyediakan peruntukan RM50 juta bagi bayaran premium skim berkenaan pada tahun ini dan petani banya perlu mendaftar untuk menerima faedah.

Skim itu diselia KPKM melalui Agrobank yang bermula pada 2024 sebagai persediaan pesawah menghadapi pelbagai risiko bencana alam termasuk banjir yang menjejaskan pengeluaran hasil padi.

Harga beras putih import 10kg lebih murah RM2

Orang ramai harap stok beras tempatan kembali di pasaran selepas ini

Oleh Mohammad Khairil Ashraf Mohd Khalid
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Orang ramai mula menikmati harga beras putih import yang lebih murah antara RM1.50 hingga RM2 bagi bungkusan 10 kilogram (kg).

Tinjauan mendapati bagi bungkusan 5kg pula mengalami penurunan harga antara 70 sen hingga RM1.

Perkara itu diakui peniaga dikenali Srinu, 24 yang menurunkan harga beras import bungkusan 10kg sebanyak RM1.50.

"Contohnya dulu saya jual RM38 (10kg), sekarang RM36.50. Kalau beras 5kg pula, sebelum ini RM18.90, sekarang RM18.20."

"Kita juga mengharapkan penurunan harga beras putih import ini, akan memudahkan untuk memperoleh stok bagi beras putih tempatan yang sehingga kini masih sukar," katanya ketika ditemui di Chow Kit, semalam.

Sebelum ini dilaporkan, Padi-beras Nasional Bhd (BERNAS) bersetuju menurunkan harga jual an beras putih import di pintu gudang Bernas di Semenanjung daripada RM3,000 per tan kepada RM2,800 per tan berkuat kuasa 1 Disember.

Kelmarin, Perdana Menteri,



Srinu menyusun beras di premisnya, selain meletakkan tanda harga sebelum penurunan ketika tinjauan di sekitar Chow Kit, semalam. (Foto Asyraf Hamzah/BH)

Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata kerajaan berjaya mengurangkan harga di pasaran melalui rundingan dengan kerajaan India pada sesi lawatan ke negara itu, baru-baru ini.

Harga ikut jenama

Seorang lagi peniaga, Gaffar Mohamed Haniffa, 38, berkata dia menurunkan harga beras putih import antara RM1.50 hingga RM2 mengikut jenama.

"Yang turun RM1.50 itu jenama seperti cap Masjid dan Bawang,



Azhar Ibrahim

manakala untuk RM2 jenama Jati, Hayati dan Aura.

"Sebagai contoh beras yang sebelum ini kita jual RM38 bagi 10kg, kini RM36."

"Kalau beras import 5kg pula turun 70 sen hingga RM1."

"Contohnya sebelum ini cap Bawang atau Masjid RM18, tetapi kini RM18.30,"

katanya.

Dia juga mengharapkan dengan penurunan harga beras import ini membolehkan pihaknya mendapat bekalan beras tempa-

tan untuk memenuhi permintaan pelanggannya.

"Kalau dapat beras tempatan senang untuk pelanggan kerana lagi murah dan lebih banyak pilihan," katanya.

Peniaga nasi lemak, Azhar Ibrahim, 65, menyatakan dia menyambut baik penurunan harga beras import.

"Saya terpaksa beli beras import walaupun mahal kerana tiada bekalan beras tempatan. Harap dengan penurunan ini juga akan kembalian beras tempatan ada di pasaran."

"Kita kalau boleh memang nak beras yang murah," katanya yang tinggal di Kampung Baru.

NS sasar tingkat hasil padi hingga 7 tan semusim

Kuala Pilah: Jabatan Pertanian Negeri Sembilan (JPNS) menyasarkan untuk meningkatkan sekali ganda pengeluaran hasil padi sekurang-kurangnya sehingga tujuh tan semusim berbanding 3.5 tan ketika ini.

Pengarahnya, Hisyam Yacob, berkata sehubungan itu pihaknya merancang untuk menanam secara berfasa kawasan tanaman padi sekurang-kurangnya 2,000 hektar pada masa hadapan berbanding ketika ini, 1,216 hektar.

"Setakat ini, keluasan tanah sawah di Negeri Sembilan sebanyak 1,828 hektar, namun hanya 1,216.50 hektar diusahakan oleh 182 pengusah membabitkan empat daerah iaitu di Kuala Pilah, Jelebu, Jempol dan Tampin."

"Daripada itu, 3,564 tan hasil pengeluaran direkodkan dan ia hanya dapat memenuhi sekitar lapan peratus keperluan rakyat negeri ini."

"Justeru, kita perlu meningkatkan lagi kawasan tanaman padi sehingga 20,000 hektar pada masa hadapan jika mahu memenuhi keperluan 100 peratus bekalan beras di negeri ini," katanya ketika ditemui sempena lawatan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) Datuk Seri Mohamad Sabu, di Terachi, di sini, kelmarin.

Hisyam berkata, untuk tujuan itu juga, pihaknya memerlukan benih padi yang berkualiti, selain penggunaan teknologi tinggi termasuk baja.

"Kita juga mengharapkan pesawah mempunyai komitmen untuk memikul bebanan kerana kita hanya boleh menyalurkan bantuan dan khidmat kepakaran kepada mereka," katanya.

Harga sayur dijangka naik lebih 50 peratus

Kuala Lumpur: Harga beberapa jenis sayur-sayuran dijangka mengalami kenaikan lebih 50 peratus sehingga akhir bulan ini, susulan keadaan cuaca yang tidak menentu akibat fasa peralihan monsun dan banjir.

Pengerusi Pertubuhan Pekarabun Sayur-Sayuran Cameron Highlands, Datuk Chai Kok Lim, berkata hujan lebat dan banjir melanda beberapa negeri turut mengakibatkan bekalan sayur berkurangan.

"Jika dulu kita boleh potong sayur 100 kilogram (kg) sehari, sekarang hanya 40kg dapat dipotong disebabkan keadaan cuaca tidak baik."

"Selain itu, cuaca hujan menyebabkan kualiti sayur kurang can-

tik kerana tiada matahari," katanya ketika dihubungi semalam.

Beliau berkata, sejak dua minggu lalu kenaikan harga sayuran naik mendadak, tetapi ia (kenaikan) tidak boleh melebihi 100 peratus.

"Contohnya harga tomato, jika dulu harga RM4 sekilogram, namun kini naik sehingga RM6."

"Sawi sebelum ini ini hanya RM3 sekilogram, tetapi kini naik cecah RM8. Begitu juga dengan salad RM4 dan sekarang RM9 sekilogram," katanya.

Beliau berkata, hasil sayuran juga turun kepada 50 peratus menyebabkan bekalan agak terjejas pada waktu ini.

Sementara itu, tinjauan di Pasar Chow Kit di sini, mendapati

terdapat kenaikan harga sayuran antaranya tomato yang dijual RM5 sekilogram, lobak RM3.50 dan cili merah RM12.

Tinjauan mendapati, kenaikan mendadak itu membabitkan sayuran berdaun seperti brokoli yang kini dijual RM12 sekilogram, berbanding sebelum ini bawah RM10.

Bekas guru, Salahuddin Ahmad, 70, ketika ditemui berkata, jika dulu wang RM30 cukup untuk membeli pelbagai sayuran, namun kini jumlah itu tidak mencukupi.

"Memang terdapat kenaikan harga sayur, tetapi sebagai pengguna kita faham faktor cuaca menyebabkan harga sayur naik dengan mendadak," katanya.



Tinjauan harga sayur-sayuran yang didakwa meningkat susulan musim tengkujuh di pasar Chow Kit, semalam. (Foto Elzairi Shamsudin/BH)

Harga beras putih import turun ikut jenama

Peniaga di Pulau Pinang turunkan harga antara 70 sen hingga RM2

Oleh SYAJARATULHUDA MOHAMAD ROSLI
GEORGE TOWN

Kebanyakan peniaga di negeri ini telah menurunkan harga beras putih import (BPI) antara 70 sen hingga RM2. Penjualan kedai runcit, Basyir, 30-an, berkata, peniaga kini menjual BPI untuk 10 kilogram (kg) pada harga RM17.80 berbanding harga sebelum ini RM18.50. Menurutnya, bagi BPI untuk 5kg pula diturunkan 90 sen atau daripada RM19.40 menjadi RM18.50.

"Penurunan harga ini tidak sama, ia ikut jenama. Ada jenama boleh turun sebanyak 100 sen, ada pula 70 sen, katanya ketika ditemui di kedai runcit di Jalan Uluayan, Georgetown, Pulau Pinang.

Uluayan, kekurangan beras putih tempatan (BPT) merupakan masalah kepada para peniagaannya yang kebanyakannya terdiri daripada golongan berpendapatan rendah.

"Apabila beras tempatan kurang, maka peniaga terpaksa membeli beras import yang harganya lebih mahal."

"Saya nak turunkan (harga) banyak pun tak dapat. Harga beras import memang agak tinggi. Namun, dengan penurunan ini, okay sikit walaupun masih mahal," katanya.

Sebelum ini, Padiberas Nasional Bhd (Bernas) beretual menurunkan harga jual BPI di pintu gudang Bernas di Semenanjung Malaysia daripada RM3,000 per tan metrik kepada RM2,800 per tan metrik berkuat kuasa 1 Disember lalu. Maklumat Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, persetujuan itu dicapai hasil perbincangan antara Kementerian dan Bernas baru-baru ini.

Peniaga kedai runcit, Chew Siew Hock, 52, berkata, dia telah menurunkan harga BPI 10kg daripada 70 sen untuk 5kg.

"Sebelum ini memang harga tinggi, sekarang boleh jual murah sikit. Tunai pun kena ikut jenama. Jika jenama Kita kena keluar modal tinggi, tak boleh turun banyak," katanya.

"Sebelum ini, saya jual 5kg dengan harga RM18.80, sekarang RM18.10. Untuk 10kg, dahulu RM35.80, sekarang RM34.30," katanya.

Ditanya mengenai BPT, Siew Hong mengakui agak sukar mendapatkan BPT tempatan kerana ia bergantung pada pelancongan.

"Kasihan pelanggan kerana mereka tidak pilihan melainkan membeli beras import yang harganya lebih mahal. Jika kerajaan boleh mengembalikan beras tempatan, mungkin harganya pun turun," katanya.

Pada Sabtu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, harga beras import di pasaran berjaya dikurangkan hasil rundingan dengan kerajaan India susulan lawatannya ke negara itu baru-baru ini.

Berikut adalah senarai harga beras putih import yang diturunkan sebelum ini.



Tinjauan mendalam mengenai harga beras putih import (BPI) antara 90 sen hingga RM2 bermula 1 Disember lalu. - *Georje Hassan*

Harga turun antara RM1 hingga RM2 di Kelantan

KOTA BHARU - Beras putih import (BPI) turun harga antara RM1 hingga RM2 bagi 10 kilogram (kg) di negeri ini bermula Ahad.

Tinjauan *Sinar Harian* mendapati, bagi BPI 5kg pula mengalami penurunan sebanyak 70 sen.

Ketua Bahagian Penerimaan Barangan sebuah pasar raya di Kubang Keratan, Anasahatzi Yusoff berkata, bekalan BPT berkenaan tidak cukup untuk memenuhi permintaan penduduk setempat.

"Bekalan lama sudah habis dibeli oleh pelanggan ketika banjir gelombang pertama selain diborong oleh badan-badan kerajaan untuk memberikan bantuan kepada penduduk yang terjejas banjir," katanya ketika ditemui di Kubang Keratan, di sini pada Ahad.

"Bekalan lama sudah habis dibeli oleh pelanggan ketika banjir gelombang pertama selain diborong oleh badan-badan kerajaan untuk memberikan bantuan kepada penduduk yang terjejas banjir," katanya ketika ditemui di Kubang Keratan, di sini pada Ahad.



ANASAHATZI



NURUL SAKWANI



ROZAH

Bagi 10kg yang lebih rendah dari harga runcit kawalan ditetapkan pada RM42.

"Beras import 5kg pula dijual RM20.60 di bawah paras harga kawalan RM22.75 ditetapkan dan kami akan turunkan lagi jika ada permintaan yang lebih banyak," jelasnya.

Selain itu, penurunan harga beras import tersebut memberi keleluasaan kepada seorang peniaga nasi berauk, Rozah Yusoff, yang menjual mengkilan beras import pada harga 70 sen pada muam banjak.

"Biasanya guna beras slam tetapi pada waktu tengkujuh be- gini stok beras slam payah nak dapat. Jadi, penurunan beras import membantu kami men- dapat stok beras slam untuk pe- langgan. Kos modal berniaga, katanya.

Kluang, Muar expansion for state padi cultivation

By VENESA DEVI
venesa@thestar.com.my

JOHOR is working towards increasing its rice production with the expansion of 70ha land dedicated to padi farming.

Johor agriculture, agro-based industry and rural development committee chairman Datuk Zahari Sarip said the additional land in Kluang and Muar would increase the current 1,850ha of active rice cultivation area in Johor to 1,920ha.

"This year, we have opened a new padi field with a total area of 20ha in Kahang, Kluang. Some RM613,000 has been allocated by

the state government to develop the area.

"Infrastructure development and land preparation works are currently underway and have reached 90% completion so far," he said, adding that the process was expected to be completed by early next year.

He said this in response to a question from Selamat Takim (BN-Sungai Balang) on efforts to increase rice production to cope with concerns over food security, during the Johor State Assembly sitting at Bangunan Sultan Ismail in Kota Iskandar in Iskandar Puteri, Johor.

Zahari said another 50ha in

Sungai Balang, Muar, would also be turned into a dedicated padi cultivation area in 2025.

"Land clearing process and infrastructure development will begin as soon as the land application has been approved by Muar Land Office and Johor Land and Mines Office," he said.

He said the state government remained focused on its effort to increase rice production despite not being a '*jelapang padi*' (rice bowl) state.

"This year, the state government allocated RM3.9mil for the development of padi fields in Johor.

"This includes the implementa-

tion of incentives for various kinds of support such as machinery, upgrade of structures and infrastructure, and management," he said.

Zahari noted that there were 10 major padi fields in Johor – five of which were in Tangkak, two in Mersing, and one each in Muar, Batu Pahat and Kluang.

"Currently, the area and production of padi in Johor is relatively small.

"This accounts for only 0.8% compared to the national padi parcel area of 280,208ha," he said, adding that the state government would continue to increase rice production.

Council's padi field to be turned into a tourist attraction in Cyberjaya >2

Rosy prospect

Selangor is expanding its technology-assisted cultivation of rose onions to meet local demand and reduce reliance on imports following the success of its first harvest in Bestari Jaya. >3



Growing potential: The Elean Rose Onion farm at Selangor Fruit Valley in Bestari Jaya, Selangor yielded 28 tonnes of the crop in its first harvest. — Bernama



MP-Sepang staff busy harvesting padi at Kebun Bandar. (Right) Abi Hamid planting padi to start a new cycle. — Photos: ART CHEN/The Star

By VLENTI NAIK
vleni@thestar.com.my

MOTORISTS driving along Persiaran Semarak Api in Cyberjaya will soon enjoy the beautiful sight of a thriving padi growing project at Kebun Bandar, as Sepang Municipal Council (MP-Sepang) plans to extend the fields up to the roadside.

The initiative was inspired by former MP-Sepang President Daud Yusoff, who envisioned offering travellers views of padi, reminiscent of the landscapes in Sekinchan, Sabak Bernam and Kuala Selangor.

What began as a pilot project with one 0.01-acre lot early last year has expanded to seven lots, totalling 0.07 acres. Encouraged by the successful harvests, the council is considering using another 0.2ha of vacant land at the edge of the town next to the road, to expand the project.

During the harvest last month, Abi Hamid, who is now Klang mayor, said water management was the primary challenge in maintaining the padi plants. "When there is no rain, the lots dry out, and we need to pump water from a nearby drain.

"During heavy rainfall, the lots get flooded, and we must pump out excess water. Luckily, there is apple snail infestation that threatens damage to the crops," he said.

Cyberjaya's urban padi field beckons tourists

Kebun Bandar project being expanded as picturesque attraction for motorists



Dressed in traditional attire, MP-Sepang staff enjoy a fun time harvesting padi together at Kebun Bandar.

Abi Hamid believes the project has great potential as a tourist attraction, as padi fields are rare so close to the city. With Visit Selangor Year next year, he said the padi lots could



Arefah says MP-Sepang plans to harvest padi three times a year, with each cycle lasting four months.

become a unique draw for visitors to Cyberjaya. "The farm also has three resident cows and some chickens. While visitors to private padi fields may hesitate to touch the

plants, here they can feel the crop because it belongs to the council.

"They can also get close to the animals.

"In addition to padi, the farm is home to over 400 types of young trees, adding to the natural charm of the site," he added.

MP-Sepang Landscape Development Officer Abi Hamid said the plan was to harvest padi three times a year, with each cycle taking four months.

"Each cycle costs around RM10,000, mainly for seeds and fertilisers.

"We received guidance from the Sepang Agricultural Department and are planting the Siraj 237 variety, which is a high yield, high quality rice. The rice is typically harvested between 10kg and 13kg of rice," she said.

"The produce is typically showcased at municipal council events and booths, as well as distributed to the public for consumption."



Selangor's inaugural harvest yields 28 tonnes of crop in Bestari Jaya

© 2000 Blackwell Science Ltd


Mohamed Khariri said a study this month, aims to provide insights for commercial-scale production, with the current rose onion doing research on producing suitable seedlings, particularly to grow shallots locally.

9/12/2024

NST

NEWS

4



A survey at the Chow Kit market in Kuala Lumpur finds increased vegetable prices, left to right, by 49 per cent, 50 per cent and 50 per cent.

IMPACT OF FLOODS

'GOVT MUST EASE VEGGIE PRICE HIKE'

Import more vegetables or subsidise them to stabilise prices, says consumer group

HANA NAO HARLIN
KUALA LUMPUR
NEWS@THEIR.COM

THE government must consider more measures to ease the possible increase in vegetable prices, including importation to boost supply or implementing subsidies to keep prices affordable.

Consumers Association of Singapore (CAS) president George said the government should subsidise the prices by 50 per cent until prices stabilise, so that consumers can afford to buy vegetables. "However, the government must already be looking at long-term goals as flooding or extreme weather is a recurrent phenomenon in the country," he told the *New Straits Times*.

George said floods wiped out not just vegetables but also the seedlings and the infrastructure for packed fish and livestock rears in the country.

"It affects every item on the

plate. If you ask me, I think the failure is incompetence rather than incompetence in handling the disaster, in particular those in charge of food security, should have learnt from the past."

George added that the government should move forward and start thinking about setting up a task force to coordinate efforts, such as consumer activists, civil society and the media, to look at the issue of food security through a holistic approach.

He said the government could prepare a white paper to address the country's food security shortfalls. "We need to have a task force. ASEAN nations have set up task forces. Thailand, Vietnam, Cambodia and Myanmar have their food security policies ready to go."

He was commenting on a report that the prices of several vegetables had risen by more than 50 per cent until the end of the month due to unpredictable weather caused by the monsoon transition phase. "The weather has been very unpredictable for the past few years," he said.

Farmers' Organisation president Dank Chai Kok Lim said heavy rain and floods in several states

had decreased vegetable supply. "Previously, we could harvest 100 per cent of the crop, but now we can only harvest 40 per cent due to the bad weather."

He also said the rainy weather had reduced the quality of the vegetables due to the lack of sunlight.

Chai said vegetable prices had risen sharply for the past two weeks. "For example, the prices of tomatoes, which was RM4 per kg, has risen to RM6 per kg, which is a 50 per cent increase. Broccoli was RM3 per kg, but has now increased to RM5 per kg."

Similarly, lettuce has gone up from RM4 per kg to RM9 per kg, and green beans from RM3 per kg to RM5 per kg.

A survey at the Chow Kit market found that the prices of several vegetables, including tomatoes, had risen by 50 per cent. A survey at the Chow Kit market found that the prices of several vegetables, including tomatoes, had risen by 50 per cent.

Previously, RM30 was enough to buy a variety of vegetables, but now it is no longer sufficient.